

# Ujian pakar elak kekeliruan gender

**Kuala Lumpur:** Golongan khunsa yang tidak melalui ujian gender boleh menyebarkan mereka dibesarkan secara bertentangan jantina.

Sebelum menjalani ujian itu, pakar akan menentusahkan dulu kategori khunsa bagi mengelakkan masalah kekeliruan gender apabila usia semakin meningkat.

Pakar sakit puan, Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM), Prof Madya Dr Ani Amelia Zainuddin, berkata menerusi ujian gender itu, pakar akan mengesahkan individu terbabit wanita atau lelaki sebelum usianya 12 tahun.

“Ada golongan yang dilahirkan dua alat kelamin atau khunsa yang gagal berfungsi, namun boleh dibantu secara perubatan dan sains supaya mereka boleh menjalani kehidupan normal.

## Buat ujian genetik

“Ada pula golongan khunsa memiliki kedua-dua alat kelamin yang berfungsi atau satu daripadanya berfungsi. Dalam kes seperti ini, pakar akan membuat beberapa ujian genetik untuk kromosom, molekul genetik, ujian endokrin untuk hormon, ultra bunyi dan pelbagai ujian lain.

“Ujian gender ini penting

bagi mengelakkan golongan berkenaan melakukan sesuatu yang bertentangan agama, terus dihina serta disisihkan masyarakat, sekali gus menjejaskan masa depan diri dan keluarga. Mereka dirujuk kepada pakar berkenaan untuk pembedahan dan rawatan hormon,” katanya kepada BH.

BH difahamkan, akibat tidak melalui ujian gender, ada kes perceraian dilaporkan selepas mendapati pasangan mereka tidak normal atau khunsa.

Dr Ani Amelia berkata, sebagai contoh, khunsa yang memiliki kromosom 46 XX DSD, memiliki kromosom wanita

normal tetapi abnormal dari segi kemaluan, alat reproduktif atau penghasilan hormon.

Katanya, golongan ini memiliki dua kemaluan iaitu kemaluan lelaki yang berfungsi dan kemaluan wanita tidak berfungsi akibat kecacatan genetik.

“Jika mereka tidak didiagnos dengan tepat pada peringkat bayi dan menerima rawatan yang betul, mereka akan dibesarkan sebagai lelaki, berperangai lelaki dan melalui akil baligh lelaki tetapi mempunyai alat reproduktif dalam wanita iaitu memiliki rahim, tiub falapio, ovari dan faraj,” katanya.